



## **TEKS UCAPAN**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.3 TAHUN 2020**

**OLEH**

**YB. DATO' HJ. MOHD SALIM BIN MOHD SHARIF  
PENGERUSI RISDA**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, IBU PEJABAT RISDA  
20 JULAI 2020 (ISNIN)  
9.00 PAGI**

YBhg. En. Abdullah bin Zainal  
Ketua Pengarah RISDA

YBhg. En. Ali Sabuddin bin Abd. Samad  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. Tn. Hj. Sopian bin Abu Bakar  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan &  
Korporat) RISDA

YBrs. Tn. Hj. Mohamad Asmizi bin Alias  
Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan  
Syarikat

Pengarah-Pengarah Bahagian/ Pengarah-  
Pengarah RISDA Negeri/ Ketua-Ketua Pegawai  
Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga RISDA  
yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.**

1. Syukur Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita

bertemu dalam Majlis Perhimpunan Bulanan  
RISDA Bil. 3 Tahun 2020 pada hari ini.

2. Kita berasa amat bersyukur kerana walaupun  
negara masih menjalani fasa Perintah Kawalan  
Pergerakan Pemulihan atau PKPP bagi  
memutuskan rantaian wabak Covid-19 yang

melanda dunia, jentera pentadbiran kerajaan masih dapat digerakkan untuk memastikan tugas mengurus dan mentadbir negara dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Hasrat kerajaan ialah untuk melindungi rakyat dari ancaman wabak seperti Covid-19 dan memulihkan semula ekonomi

negara agar rakyat dapat kembali menjalani kehidupan dalam penuh kesejahteraan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Sepertimana yang kita sedia maklum, RISDA pada hari ini, bukan sahaja bekerja dengan norma baharu, malah kita bekerja dengan hala tuju yang

baharu. Sekalung tahniah diucapkan kepada RISDA kerana telah menerima pucuk kepimpinan baharu yang diterajui oleh Yang Berbahagia En. Abdullah bin Zainal sebagai Ketua Pengarah RISDA bersama 2 orang timbalan yang baharu beliau iaitu Yang Berbahagia Tn. Hj Sopian bin Abu Bakar sebagai Timbalan Ketua Pengarah



(Pengurusan & Korporat) dan Yang Berbahagia En. Ali Sabudin bin Abd Samad, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan). Saya percaya dengan pelantikan baharu ini RISDA mampu bergerak lebih maju ke hadapan menghadapi landskap ekonomi Malaysia yang penuh dengan cabaran.

4. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh anggota pentadbiran kerajaan, khususnya warga RISDA Malaysia yang terus menjalankan tugas dan tanggungjawab saudara dan saudari dengan jujur dan berdedikasi. Hasilnya kita dapat melaksanakan majlis yang

ringkas tetapi penting pada hari ini dan mematuhi SOP dalam tempoh PKPP.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Memandangkan negara masih berjuang menangani wabak Covid-19, maka sambutan perhimpunan bulanan RISDA Bil. 3 Tahun 2020 ini

telah ditangguhkan dari bulan April sehinggalah ke hari ini.

6. Saya dimaklumkan, perancangan awal untuk perhimpunan bulanan ini telah pun dibuat. Malah dengan tema yang dipilih “Rasionalise the New Norms”, menggambarkan kesungguhan warga

RISDA untuk berganding bahu merasionalisasikan tugas dan fungsi RISDA kepada hala tuju pembangunan negara dengan norma baharu.

7. Saya percaya bahawa RISDA pada hari ini juga perlu menerima, menghayati dan mengambil

bahagian dalam normal baharu yang sedang berlaku susulan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia. Gaya hidup dan cara bekerja yang dahulu perlu berubah sesuai dengan keadaan semasa terutama pada masa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat atau PKPB di seluruh negara. Sebab itu kerajaan telah

mengambil langkah proaktif bukan sahaja untuk menghentikan penularan wabak Covid-19 tetapi memastikan golongan pekebun kecil tidak tercicir dalam meneruskan kelangsungan hidup menerusi Bantuan Khas Covid-19 yang diberi kepada pekebun kecil dan penoreh terpilih.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Tema yang dipilih pada hari ini juga selari dengan pelaksanaan rasionalisasi Syarikat Milikan RISDA (SMR) dengan mengambil langkah menutup beberapa SMR demi menjaga kepentingan RISDA seperti RISCAM, RISDA Kayu dan juga RISDA



Woods. Selain itu, pelaksanaan rasionalisasi SMR juga turut melaksanakan penjajaran semula ke atas teras perniagaan SMR. Dimana RISDA Agro Sdn. Bhd. dan RISDA Livestock Sdn. Bhd. diletakkan semula dibawah RISDA Estates Sdn. Bhd. Bagi memantapkan dan mempelbagaikan lagi perkhidmatan RISDA Security and Services (RSS),

operasi 'catering and event' yang dahulunya diuruskan oleh RISDA Catering and Event Sdn. Bhd. dan pengurusan bangunan yang diurus oleh RISDA Bina Sdn. Bhd. diletakkan dibawah RSS.

9. Antara rasionalisasi SMR yang akan dilaksanakan adalah menjadikan RISDA Holdings

Sdn. Bhd. sebagai holding company, menjadikan saham RISDA Fleet Sdn. Bhd. 100% pegangan RISDA, RISDA juga sedang dalam proses pengambilalihan saham Sinergi Perdana Sdn.Bhd. (SPSB) di dalam FELDA dan FELCRA Berhad bagi menjadikan RISDA sebagai pemegang saham majoriti SPSB.

10. Selain itu RISDA juga telah berjaya melaksanakan beberapa projek pelaburan antaranya ialah projek pembangunan tanah di Ampang Ulu 3 bagi Menara RISDA, projek pembangunan tanah U-Thant di Lot 20010 Seksyen 89 Kuala Lumpur. Terkini, RISDA bakal membuat

pelaburan dalam Penghasilan Tenaga Baharu dari Biogas.

11. RISDA dan SMR juga mengamalkan tadbir urus korporat yang baik bagi membanteras salah guna kuasa seperti rasuah. Antaranya ialah kepimpinan dan keberkesanan lembaga pengarah,

audit pengurusan risiko yang berkesan serta integriti dalam pelaporan korporat dan hubungan baik dengan pihak berkepentingan.

12. Pengurusan RISDA terkini bersama “ Young Top Gun ” bakal menghadapi situasi ekonomi yang agak mencabar pada waktu ini kesan akibat

penularan wabak COVID-19, ekonomi dunia kini menghadapi krisis yang terburuk sejak zaman Kemelesetan Ekonomi atau Great Depression pada tahun 1930-an. Kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada dua angka di Amerika Syarikat, India, Kanada, Sepanyol dan China. Konflik perdagangan serta pergolakan politik di beberapa

negara akan memburukkan lagi keadaan. Ini sekaligus memberi kesan yang lebih negatif kepada ekonomi dunia.

13. Justeru itu, RISDA perlu mengenalpasti bakat bakat baru yang berkemahiran dalam “Internet of



Thing” dan “Block Chain Management Technology” bagi memimpin RISDA menghadapi cabaran norma baharu. Melalui kemahiran tersebut, industri pertanian dapat di“re-engineering” semula memberikan nafas baru dalam industri getah yang menghadapi cabaran ekor pasar harga yang

tidak stabil serta tidak menguntungkan di peringkat global.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Bagi mengaktifkan semula kegiatan ekonomi pertanian dan makanan, kemudahan pinjaman Dana Agrofood sebanyak RM350 juta akan

diperuntukkan untuk memastikan kelangsungan pengusaha pertanian dan komoditi dalam sektor ini. Selain itu, Kerajaan juga akan memperkasakan peningkatan mobiliti tenaga kerja pertanian melalui insentif yang diberikan kepada syarikat perintis untuk melatih dan mengajar tenaga kerja untuk menceburi bidang pertanian dan perladangan.

15. Syarikat Milikan RISDA (SMR) perlu mengambil peluang-peluang yang ada dengan menceburi bidang baharu. SMR perlu berani mengambil risiko, bekerjasama dengan rakan strategik yang berpotensi meningkatkan keuntungan syarikat bagi masa hadapan.

16. Bagi mendorong sektor komoditi, Kerajaan bersetuju memberi pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isirong sawit mentah dan minyak isirong sawit yang diproses mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.

17. Syarikat Milikan RISDA perlu mengambil kesempatan ini bagi mengembang dan memantapkan lagi syarikat dalam bidang sediada. Bagi melaksanakan usaha pembangunan negara berpandukan WKB 2030, wujud keperluan perancangan polisi semasa dan masa hadapan. Ini

menuntut kita untuk lebih proaktif dan responsif. Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat pastinya memerlukan keputusan-keputusan yang dibuat dengan betul serta berasaskan bukti dan fakta yang menyeluruh.

18. Selaras dengan agenda kesejahteraan dan kelestarian negara, saya ingin memohon agar semua warga RISDA dan SMR memberikan kerjasama dalam melestarikan RISDA dan SMR. Walaupun situasi negara masih mendepani saat-saat sukar susulan serangan wabak Covid-19 dan fasa PKPP yang kita lalui bersama, saya yakin



pucuk pimpinan RISDA dan SMR terkini mampu meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan membaiki mutu perkhidmatan serta meningkatkan keuntungan.

19. Apa yang penting ialah kita semua mestilah bersedia untuk membudayakan kebiasaan baharu

dalam kehidupan kita. Adakalanya kita merasakan sedikit sukar untuk mengamalkannya tetapi percayalah setiap kesukaran itu akan disusuli dengan kesenangan.

Sepertimana firman Allah S.W.T dalam surah Al-Insyirah ayat 4 dan 5:

Yang bermaksud: Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Sekali lagi ditegaskan, bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.

20. Kepada warga RISDA, saya memohon agar kita semua dapat memberikan kerjasama yang baik kepada pucuk pimpinan RISDA yang baharu ini bagi kesejahteraan pembangunan RISDA dan pekebun kecil amnya. Akhir kata, saya berdoa semoga kesihatan dan kesejahteraan kita sentiasa terpelihara dan kita semua dapat menjalani

kehidupan yang bahagia bersama keluarga dan orang-orang yang tersayang.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh.**